

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

11. Apakah jumlah kutipan bulanan daripada *Penang Smart Parking apps*?
- (a) Adakah ia lebih berkesan daripada sistem gores tiket?
  - (b) Apakah nilai kontrak yang telah dianugerahkan kepada syarikat yang mengendalikan sistem ini dan berapa lama kontrak ini berkuatkuasa?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Jumlah kutipan daripada aplikasi *Penang Smart Parking* (PSP) sejak dilancarkan pada 19 Ogos 2019 adalah sebanyak RM3,129,788.80. Perincian kutipan bulanan PSP bagi kedua-dua PBT adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri berpandangan bahawa pelaksanaan PSP adalah lebih berkesan daripada sistem kupon gores. Ini kerana PSP semakin diterima oleh orang ramai, malah sering mendapat pujian kerana telah memudahkan urusan orang ramai untuk membayar caj tempat letak kereta (TLK). Penggunaan PSP telah memberikan kebaikan kepada pengguna seperti menjimatkan masa dengan membuat pembayaran menerusi *e-wallet* dan pengguna aplikasi juga boleh membantu ahli keluarga yang lain untuk membuat bayaran TLK tanpa berada bersama mereka di lokasi tersebut. Selain itu, PSP telah memudahkan pemandu mencari TLK yang kosong melalui sistem navigasi PSP serta memberi notifikasi peringatan kepada pemilik kenderaan mengenai waktu pembayaran

TLK yang hampir tamat. Sehingga kini, sebanyak 250,456 pengguna telah memuat turun aplikasi PSP dengan peningkatan kutipan TLK sebanyak 20% sehingga 50% setiap bulan.

- (b) *Request For Proposal* yang dikemukakan oleh kontraktor adalah bersifat *Private Funding Initiative* (PFI). Melalui kaedah ini, syarikat akan membiayai keseluruhan projek sepanjang tempoh kontrak dan pembahagian hasil mengikut kadar yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak di sepanjang tempoh kontrak. Tempoh kontrak adalah selama lima (5) tahun dengan opsyen perlanjutan dua (2) tahun tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan di dalam kontrak.

**LAMPIRAN A****JUMLAH KUTIPAN BULANAN DARIPADA APLIKASI *PENANG SMART PARKING* (PSP) MULAI OGOS 2019 SEHINGGA MAC 2020.**

<b>Bil.</b>	<b>Bulan</b>	<b>Jumlah Kutipan (RM)</b>	
		<b>MBPP</b>	<b>MBSP</b>
1	Ogos 2019	2,384.40	889.60
2	September 2019	18,653.20	2,142.80
3	Oktober 2019	53,124.80	7,511.20
4	November 2019	105,083.60	15,447.60
5	Disember 2019	282,966.80	51,579.00
6	Januari 2020	652,741.60	151,254.80
7	Februari 2020	807,828.00	232,006.40
8	Mac 2020	561,937.60	184,237.40
<b>JUMLAH</b>		<b>2,484,720.00</b>	<b>645,068.80</b>